

RUU KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017

# Peruntuk hukuman penjara 30 tahun, enam sebatan

⦿ Akta hukum pelaku jenayah seksual babitkan kanak-kanak

Laporan Nazura Ngah,  
Luqman Arif Abdul Karim  
dan Faris Fuad, Afzan  
Mohamad Yusof  
dan Mahani Ishak  
bhniita@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Hukuman penjara sehingga 30 tahun dan tidak kurang enam sebatan dikenakan kepada individu yang membuat, mengarahkan pembuatan atau penghasilan, membabitkan diri atau apa-apa sahaja berkaitan pornografi kanak-kanak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata peruntukan itu antara elemen Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama hari ini.

Beliau berkata, bagi kesalahan melakukan persediaan untuk membuat, menghasilkan atau mengarahkan pembuatan atau penghasilan pornografi kanak-kanak, individu terbabit boleh dihukum penjara dan sebatan.

“Akta berkenaan secara jelas menghukum pelaku yang terbabit sama ada secara langsung atau tidak dalam jenayah seksual membabitkan kanak-kanak.

#### Disabit hukuman berat

“Ini bermakna sesiapa yang mengambil bahagian, menyertai atau membabitkan diri dalam apa cara sekalipun, akan disabitkan hukuman berat terbabit,” katanya kepada BH.

Sumber memberitahu bagi kesalahan melakukan persediaan, penjara sehingga 10 tahun dan sebatan boleh dikenakan, manakala bagi kesalahan menggantikannya kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahan pembuatan atau penghasilan dan sebagainya pornografi kanak-kanak, hukuman penjara sehingga 20 tahun dan tidak kurang lima sebatan jika sabit kesalahan.

Azalina dijangka mengadakan sidang media hari ini di Parlimen yang akan turut disertai Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dan pembangkang



Ini bermakna sesiapa yang mengambil bahagian, menyertai atau membabitkan diri dalam apa cara sekalipun, akan disabitkan hukuman berat terbabit”

**Azalina Othman Said,**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

bagi menyatakan sokongan terhadap pengubalan rang undang-undang berkenaan.

Sabtu lalu, BH melaporkan kenyataan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim bahawa tindakan persediaan seksual (child grooming) seperti meminta untuk merahsiakan perbualan, mula membincangkan isu seksual, menghantar bahan lucu dan menggunakan kata-kata manis, adalah antara aspek baru dimasukkan dalam RUU Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017.

Beliau dilaporkan berkata child grooming adalah satu istilah pelaku yang mendekati kanak-kanak berpotensi untuk menjadi mangsa seksual termasuk membina kepercayaan dan menjalinkan ikatan emosi dengan mangsa sebelum melakukannya jenayah seksual terbabit.

RUU itu memberi penambahbaikan kepada akta sedia ada seperti Kanun Kesejahteraan dan Akta Kanak-kanak 2001.

Selain pornografi itu, empat aspek iaitu persediaan seksual, gangguan seksual kanak-kanak dan keterangan sokongan bagi keterangan kanak-kanak yang boleh mensabarkan pelaku digurkan menjadi inti pati dalam pengubalan akta baharu itu.